

## Dermawan dari Jerantut sumbang 17 lembu korban untuk masyarakat Islam Champa

- Oleh HARIS FADILAH AHMAD
- 20 Jun 2024, 2:53 pm



SEBAHAGIAN penduduk kampung di Wilayah Kandal, Kemboja menerima daging korban sumbangan dermawan dari Jerantut, baru-baru ini. UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

KEMBOJA: Penduduk Kampung Long San Koh Thom di Wilayah Kandal, Kemboja yang rata-ratanya berpendapatan kurang RM500 tidak mampu membeli seekor lembu berharga antara RM2,500 hingga RM3,000 untuk ibadat korban setiap kali Hari Raya Aidiladha.

Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha baru-baru ini, enam individu dari Jerantut, Pahang menyumbang sebanyak 17 ekor lembu dengan harga RM42,500 di lapan buah kampung di sana.

Mereka yang terdiri daripada enam pekebun sawit, ahli perniagaan dan pesara guru menziarahi Kampung Jong Prek, Kampung Dobprami Mesa, Kampung Torsangker, Kampung Lngsan Krom, Kampung Prek Kathit, Kampung Koh Thmey, Kampung Long San Koh Thom di daerah Kaoh Thum, Wilayah Kandal dan Kampung Cham, Wilayah Cham, kira-kira 150 kilometer dari Phnom Penh.

Penduduk Kampung Cham, Zakaria Sop, 49, berkata, dia terharu dengan amal jariah enam rakyat Malaysia tersebut.

“Sudah tujuh tahun kami di sini tidak menyertai ibadat korban kerana miskin, ditambah tiada bantuan daripada mana-mana pertubuhan Islam dan dermawan dari luar.

“Kami amat bersyukur apabila dermawan dari luar sanggup memberikan sumbangan ternakan dan sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini cukup bermakna kerana dapat mengadakan ibadat korban dan bergotong-royong mengadakan majlis jamuan di masjid selepas solat sunat Hari Raya Aidiladha,” katanya di sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Imam Masjid Kampung Long San Koh Thom, Wilayah Kandal, Husen Isa, 70, berkata, penduduk di situ yang rata-ratanya berpendapatan kurang RM500 tidak mampu membeli seekor lembu berharga antara RM2,500 hingga RM3,000 untuk ibadat korban setiap kali Hari Raya Aidiladha.

“Walaupun ternakan lembu dikira murah dengan harga RM2,500 seekor, tetapi penduduk Islam di luar bandar negara ini (Kemboja) tidak mampu membeli untuk

ibadat korban hanya mengharapkan bantuan atau sumbangan daripada luar setiap tahun ketika Hari Raya Aidiladha.

“Kami bersyukur dan semoga Allah melimpahkan ganjaran kepada dermawan dari Jerantut, Pahang datang memberikan sumbangan lima ekor lembu untuk disembelih dan diagih kepada seramai 685 orang penduduk di sini,” katanya. – UTUSAN